

30/05/2000

Laman web proreformasi terus kempen

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Isnin - Lima pengendali laman web proreformasi meneruskan kempen `bertafakur seketika' menuntut pengunduran dua pemimpin Parti Keadilan Nasional (Keadilan) sejak Rabu lalu dengan menyiarkan kenyataan pertama menjelaskan tindakan mereka.

Kenyataan bertajuk "Anjakan Paradigma Gerakan Reformasi" itu menjelaskan bahawa semangat perjuangan mereka tidak pernah luntur atau menyimpang daripada perjuangan asal Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Yang ditegur ambil sikap positif dan jika anda bukan the best out of the best, beri laluan, undur, jangan amalkan sikap Mahathirisme," kata kenyataan itu yang jelas ditujukan kepada Timbalan Presiden Keadilan, Dr Chandra Muzaffar dan Setiausaha Agungnya, Mohd Anuar Tahir.

Sebelum ini, pengendali web yang diketuali pengendali Laman Reformasi, exmahazalim, mengutus surat kepada Chandra dan Anuar menuntut mereka berundur kerana dikatakan `ingkar arahan Anwar' dan `mengkhianati perjuangan reformasi'.

Laman web proreformasi lain yang terbabit dalam kempen itu ialah Komentor, Pemantau, Black 14 dan Mahafiraun 2020.

Berita Harian difahamkan tuduhan itu dibuat kerana Chandra dikatakan mahukan perubahan pendekatan perjuangan reformasi daripada demonstrasi jalanan kepada pendekatan yang lebih aman dan matang, berbeza dengan pendekatan Anwar.

Malah, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin mendedahkan bahawa Presiden Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Chandra tidak bersetuju dengan arahan Anwar supaya demonstrasi jalanan diteruskan.

"Dr Chandra dan Wan Azizah tidak menyokong demonstrasi itu, sebaliknya Anwar memberi arahan supaya mengadakan demonstrasi berkenaan ... secara besar-besaran dan sudah tentu berharap ia akan bertukar menjadi keganasan," katanya merujuk kepada perhimpunan Black 14 yang ditolak rakyat.

Kenyataan yang disiarkan di laman web proreformasi itu turut memberi penekanan kepada Deklarasi Bersama Reformasi Rakyat yang dikeluarkan pada 21 Mei lalu.

Deklarasi tujuh perkara itu antara lain, menyatakan kesetiaan kepada perjuangan yang dicetuskan Anwar dan memastikan ia tidak diganggu gugat mana-mana pihak yang membawa kepada keruntuhan asal perjuangan reformasi.

Tiga perkara deklarasi itu yang jelas menunjukkan mereka menentang perubahan dasar yang dikatakan cuba diterapkan Chandra serta pemimpin lain ialah seperti berikut:

KAMI, berikrar akan menentang sebarang percubaan dan agenda-agenda yang menampakkan kepada usaha-usaha membantutkan halatuju gerakan reformasi.

KAMI, akan terus berusaha untuk memastikan agar perjuangan ini tidak diganggu-gugat oleh mana-mana pihak yang berkepentingan, beragenda tersendiri yang membawa kepada keruntuhan perjuangan asal tuntutan reformasi.

KAMI, berikrar taat setia kepada perjuangan Reformasi dan akan terus mengukuhkan asas-asas perjuangan ini.

Perbezaan pendapat di kalangan pemimpin tertinggi Keadilan berhubung pendekatan perjuangan mereka dikatakan punca pergolakan dalam parti itu sekarang sehingga menyebabkan ramai ahli ingin meninggalkan parti.

Jumaat lalu, seramai 15 pemimpin Keadilan termasuk Naib Ketua Pemuda

Kedah, Zuraidi Rahim, keluar daripada parti itu dan menyertai Umno kerana tidak lagi percaya kepada perjuangan dan kepemimpinan parti itu.

(END)